

Healol Salbutamol Inhaler

Salbutamol 100mcg/dose

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Healol Salbutamol Inhaler
2. Bagaimana Healol Salbutamol Inhaler berfungsi
3. Sebelum mengambil Healol Salbutamol Inhaler
4. Cara menggunakan Healol Salbutamol Inhaler
5. Semasa menggunakan Healol Salbutamol Inhaler
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Healol Salbutamol Inhaler
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Healol Salbutamol Inhaler

Healol Salbutamol *Inhaler* digunakan untuk merawat masalah pernafasan pada pesakit asma dan keadaan yang berkaitan. Ini termasuklah melegakan dan mencegah asma disebabkan oleh senaman atau lain-lain 'pencetus'. Ini adalah perkara-perkara yang membawa kepada gejala-gejala asma pada sesetengah orang. Pencetus biasa termasuk habuk rumah, debunga, kucing, anjing dan asap rokok. Healol Salbutamol *Inhaler* mengandungi *propellant* yang dikenali sebagai *HFA 134a*. Ini adalah kurang berbahaya kepada alam sekitar daripada *inhaler* lama.

Bagaimana Healol Salbutamol Inhaler berfungsi

Healol Salbutamol *Inhaler* tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai bronkodilator.

- Bronkodilator membantu saluran udara dalam paru-paru anda untuk kekal terbuka. Ini membantu udara masuk dan keluar dengan mudah.

- Bronkodilator membantu untuk melegakan kesesakan dada, berdehit dan batuk.

Sebelum mengambil Healol Salbutamol Inhaler

-Bila tidak boleh mengambil

Jika anda alah (hipersensitif) kepada *salbutamol sulfat* atau bahan lain *Tetrafluoroethane (HFA 134a)*.

-Sebelum mula mengambil

Rujuk kepada doktor, jururawat atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat anda jika:

- Anda mempunyai tekanan darah tinggi.
- Anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif.
- Anda mempunyai sejarah masalah jantung seperti degupan jantung yang tidak teratur atau cepat atau angina.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Sila ingat untuk membawa ubat ini jika anda perlu pergi ke hospital. Sila beritahu doktor, jururawat atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil:

- Ubat-ubatan untuk degupan jantung yang tidak teratur atau cepat.
- Ubat-ubatan lain untuk asma.

Mengambil Healol Salbutamol Inhaler dengan makanan atau minuman

Anda boleh mengambil Healol Salbutamol *Inhaler* pada bila-bila masa dengan atau tanpa makanan.

Mengandung dan menyusukan bayi

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda hamil, mungkin hamil atau sedang menyusukan bayi.

Cara menggunakan Healol Salbutamol Inhaler

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk orang dewasa dan kanak-kanak yang berumur lebih dari empat tahun. Untuk melegakan *acute episode bronchospasm* atau mencegah gejala asma: satu atau dua sedutan sebanyak empat kali sehari. Jika kawalan asma menjadi teruk dan menyebabkan penggunaan yang kerap β_2 -agonist lebih daripada 4 kali sehari, pesakit perlu berjumpa dengan doktor untuk penilaian semula dan kemungkinan memerlukan bermulanya terapi *maintenance*.

Untuk mencegah *bronchospasm* yang disebabkan oleh senaman: Dua sedutan setiap 15 minit sebelum bersenam.

Kanak-kanak di bawah 4 tahun: keselamatan dan keberkesanan sedutan *Salbutamol* tidak dapat dipastikan.

-Bila perlu digunakan

Sentiasa menggunakan Healol Salbutamol *Inhaler* anda betul-betul seperti diarahkan oleh doktor anda. Rujuk kepada doktor, jururawat atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Arahan Penggunaan

Jangan gunakan *inhaler* anda lebih kerap daripada apa yang doktor memberitahu anda. Beritahu doktor anda jika ubat nampaknya tidak berfungsi dengan baik. Jika masalah dada anda menjadi lebih teruk, anda mungkin memerlukan ubat yang berbeza. Doktor anda mungkin telah memberitahu anda untuk mengambil lebih daripada ini sebagai rawatan kecemasan jika berdehit atau pernafasan anda menjadi sangat buruk. Ia adalah sangat penting bahawa anda mengikut arahan doktor anda tentang berapa banyak sedutan perlu diambil dan berapa kerap menggunakan *inhaler* anda.

Ujian Inhaler anda

Jika anda menggunakan *inhaler* anda buat kali pertama, atau tidak

Healol Salbutamol Inhaler

Salbutamol 100mcg/dose

menggunakannya selama seminggu atau lebih, goncangnya dengan baik dan kemudian melepaskan satu sedutan ke udara sebagai 'test fire'.

Cara menggunakan Inhaler anda

1. Tanggalkan penutup dari alat sedut. Pastikan pelekap mulut adalah bersih. Goncang inhaler dengan baik. Pegang *inhaler* secara tegak, dengan ibu jari anda pada tapak alat. Letakkan satu atau dua jari di atas kanister.
2. Menghembus nafas perlahan-lahan melalui mulut anda.
3. Masukkan pelekap mulut ke dalam mulut di antara gigi anda dan menutupi bibir anda di sekitarnya (tidak menggigitnya)
4. Tekan kanister untuk melepaskan satu dos dan tarik nafas anda.
5. Keluarkan *inhaler* daripada mulut dan tahan nafas anda selama 10 saat atau selagi anda berasa selesa. Menghembus nafas secara perlahan-lahan.
6. Jika dos lain diperlukan, tunggu sekurang-kurangnya satu minit. Goncang *inhaler* dan mengulangi langkah 2 hingga 4. Selepas digunakan, tutupkan alat ini dengan penutup.

Nota penting

Jangan tergesa-gesa melakukan langkah 3 dan 4. Ia adalah penting bahawa anda mula bernafas secara perlahan-lahan sebelum melepaskan dos. Berlatih di hadapan cermin untuk beberapa kali. Jika anda melihat 'kabus' keluar dari bahagian atas *inhaler* atau bahagian sebelah mulut, bermula sekali lagi dari langkah 1.

Kabus yang terlepas ini menunjukkan teknik yang tidak betul.

Bagi kanak-kanak

Ibu bapa perlu membantu kanak-kanak yang memerlukan bantuan dalam menggunakan *inhaler* dengan betul.

Pembersihan

Ia adalah penting untuk menjaga kebersihan pelekap mulut plastik, untuk memastikan *inhaler* berfungsi dengan baik. Bersihkan *inhaler* anda sekurang-kurangnya seminggu sekali, seperti berikut:

1. Keluarkan kanister logam daripada badan plastik *inhaler*. Tanggalkan penutup pelekap mulut alat sedut.
2. Tenggelmakan badan plastik dan penutup pelekap mulut di dalam air suam. **Jangan meletakkan kanister logam di dalam air.**
3. Bilas badan plastik dan penutup pelekap mulut bawah aliran air paip.
4. Goncang badan plastik dan penutup untuk membuang air yang berlebihan. Biarkannya kering, tetapi jangan gunakan haba terus.
5. Apabila badan plastik kering, letakkan kanister kembali ke dalam alat sedut anda. Tutup semula dengan penutup.

-Berapa lama perlu digunakan

Sila teruskan mengambil ubat ini dan ikut arahan doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa satu dos, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.
- Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas.
- Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih daripada apa yang anda perlu, berbincang dengan doktor secepat mungkin. Kesan-kesan berikut boleh berlaku:

- Jantung anda berdegup lebih cepat daripada biasa.
- Anda berasa goyah, mulut kering.
- Anda mungkin merasa sakit dada, kejang-kejang. Kenaikan atau penurunan

mendadak dalam tekanan darah mungkin berlaku.

- Anda mungkin mengalami keletihan atau masalah untuk tidur.

Semasa menggunakan Healol Salbutamol Inhaler

-Perkara yang perlu dilakukan

Anda mesti memberitahu doktor/ ahli farmasi anda mengenai herba/ OTC/ ubat/ makanan khas yang anda sedang mengambil. Anda mesti menjauhkan semua ubat ini daripada kanak-kanak.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Anda tidak boleh melebihi dos yang disyorkan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor anda jika anda mengandung/merancang untuk hamil/ atau menyusukan anak.

Kesan-kesan sampingan

Healol Salbutamol *Inhaler* boleh menyebabkan kegoyahan, biasanya tangan. Sakit kepala dilaporkan berlakunya kadang-kadang.

Penambahan aliran darah ke kaki anda (*peripheral dilatation*) dan kadar jantung yang luar biasa cepat boleh berlaku dalam sesetengah pesakit.

Tindak balas hipersensitiviti termasuk bengkak pada muka, bibir, mulut, lidah atau tekak yang boleh menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas, ruam gatal, rasa pitam atau pening dan keruntuhan, telah dilaporkan tetapi jarang sekali.

Kekejangan otot sangat jarang dilaporkan berlaku.

Tahap rendah *serum potassium* yang serius juga boleh berlaku.

Hyperactivity di kalangan kanak-kanak dilaporkan berlaku tetapi jarang. Iritasi mulut dan tekak mungkin berlaku.

Degupan jantung yang tidak normal (sama ada terlalu cepat atau terlalu

Healol Salbutamol Inhaler

Salbutamol 100mcg/dose

lambat) boleh berlaku dalam sesetengah pesakit.

Kadar jantung yang luar biasa cepat boleh berlaku dalam sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C. Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Healol Salbutamol *Inhaler* adalah alat sedut yang mengandungi cecair seragam aerosol yang berwarna putih. *Propellant* HFA-134a terkandung dalam sedutan bertekanan ini. Pada pemeriksaan mata kasar, tiada tanda-tanda kerosakan fizikal atau kebocoran.

Pek saiz: Alat sedut aerosol yang mengandungi 200 dos.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Salbutamol 100mcg/dos
- Bahan tidak aktif
Tetrafluoroethane (HFA 134a propellant), oleic acid, ethanol

-Nombor MAL

MAL17065016ACZ

Pengilang

Laboratorio Aldo-Union SL
Baronessa de Malda 73,
08950 Esplugues de Llobregat
Barcelona, Spain

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd
74-3, Jalan Wangsa Delima 6,
KLSC Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

-15/04/2024

Nombor Siri

NPRA(R2/1)190702/183